



GARIS PANDUAN


PENERBITAN

KREATIF

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI



JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
EDISI 2013



LATAR BELAKANG MUKA HADAPAN

Muka hadapan ini diambil dari <http://www.anypics.com> merupakan satu gambaran mengenai corak pemikiran minda yang kreatif dengan daya imaginasi yang tinggi. Gambaran otak kanan menceritakan tentang penggunaan otak kanan terhadap sesuatu yang kreatif. Kreativiti ini dilihat sebagai salah satu cabang seni yang boleh dipupuk dan disemai. Kreativiti merupakan sesuatu yang berasaskan bakat, kebolehan yang dirancang secara bersepudu oleh individu atau kumpulan dengan mengambil kira nilai-nilai seni dan budaya tempatan serta penggunaan teknologi bagi menghasilkan produk yang berkualiti bagi memenuhi pasaran, selain melalui penggalakan dan eksplotasi harta intelek

(Dasar Industri Kreatif Negara).



SENARAI KANDUNGAN

- 04 KATA-KATA ALUAN**
- 05 PENDAHULUAN**
- 06 OBJEKTIF**
- 06 APA ITU PENERBITAN KREATIF**
- 07 ELEMEN PENERBITAN KREATIF**
- 08 JENIS-JENIS PENERBITAN KREATIF**
- 11 FORMAT PENERBITAN KREATIF**
- 12 PENILAIAN**
- 12 KEASLIAN**
- 13 TIPS**
- 14 FAQ**
- 15 JAWATANKUASA**

KATA-KATA ALUAN



*“Menuju Transformasi
politeknik”*

YBHG. DATUK HAJI MOHLIS BIN JAAFAR, AMS, DMSM
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik



*“Ke arah perkembangan
teknologi masa kini”*

HAJI KAMARUDDIN BIN HAMZAH
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Pengajian Politeknik



*“Mencetus daya
kreatif minda”*

HAJI MOHD GHAUS BIN AB. KADIR
Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum & Latihan Kerjaya
Jabatan Pengajian Politeknik



*“Satu penulisan gaya
baharu”*



*“Penilaian yang lebih
berkesan dan adil”*

HAJI ZULKIFLI BIN MD. SALLEH
Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik
Jabatan Pengajian Politeknik

DR. NAIMAH BINTI MD. KHALIL
Pengarah Bahagian Peperiksaan & Penilaian
Jabatan Pengajian Politeknik



PENGHARGAAN

Bahagian Pembangunan Akademik,
Jabatan Pengajian Politeknik
merakamkan jutaan terima kasih
kepada semua yang terlibat dalam
pembangunan Garis Panduan
Penerbitan Kreatif ini.

Pembangunan garis panduan ini
mampu untuk membimbing pelajar
dalam proses penyediaan laporan yang
lebih interaktif dan merangsang minda
pembacanya.

Pihak kami mengalukan sebarang
cadangan/maklumbalas dalam
penambahbaikan garis panduan ini dan
adalah diharapkan agar garis panduan ini
dapat diakses dan digunakan sepenuhnya
oleh semua pelajar politeknik.

Semua cadangan/maklumbalas boleh
die-melkan kepada:
akademik.jpp@mohe.gov.my

HAJI ZULKIFLI BIN MD. SALLEH

Pengarah

Bahagian Pembangunan Akademik

Jabatan Pengajian Politeknik

Kementerian Pengajaran Tinggi

Garis panduan ini boleh diakses oleh
semua pelajar politeknik melalui aplikasi
• e-Learning politeknik di web CIDOS
(www.cidos.edu.my)
• portal politeknik
(www.politeknik.gov.my) melalui
pautan e-Dokumen (Kategori:
2013).

Selain itu, pengguna telefon pintar juga
boleh memuat turun garis panduan ini
dalam edisi digital dengan melakukan
proses imbasan pada Kod QR di bawah.



MUATURUN
EDISI DIGITAL

PENDAHULUAN

Pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) mempunyai peranan yang amat penting dalam menyediakan laluan utama ke arah untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan seterusnya menjadi penyumbang kepada penjanaankekayaan baharu negara. Oleh itu, transformasi kualiti pendidikan yang berteraskan kemahiran mesti diperkasa dan dijadikan agenda utama dalam memenuhi keperluan modal insan negara.



Pelancaran Fasa II Transformasi Politeknik:
Peningkatan Ke Arah Kecemerlangan oleh YBM KPT



Di dalam konteks transformasi Latihan Industri Politeknik, Laporan Akhir Latihan Industri sebelum ini disediakan dalam bentuk penulisan yang berpandukan format yang telah ditetapkan secara tradisional. Hasil ledakan dan perkembangan teknologi maklumat alaf baharu perlu disambut oleh sistem pengajian politeknik kearah Latihan Industri bertaraf dunia yang berwawasan ke arah melahirkan generasi mengamalkan budaya fikir, kritis, kreatif dan inovatif.



Bagi menyahut cabaran tersebut, sistem pengajian politeknik

menjalankan pelajar agar lebih kreatif dan inovatif menggunakan teknologi dalam menjadikan ilmu lebih mudah diakses, disebar, disimpan dan juga dinilai. Manakala kecanggihan serta kemampuan teknologi terkini menyampaikan sesuatu maklumat secara cepat, tepat dan menarik dalam bentuk multimedia menjadikannya sebagai satu daya tarikan ke arah mewujudkan satu senario belajar yang lebih menyeronokkan. Penerbitan laporan secara kreatif menggalakkan pelajar lebih banyak berfikir dan menjana minda serta menggunakan banyak bahan dan sumber hasil dari perkembangan teknologi ke arah memenuhi dan mencapai hasil pembelajaran sejarah dengan keperluan *Outcome Based Education* (OBE).

Seiring dengan visi Politeknik iaitu sebagai penjana utama modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global menjelang 2015, pelajar dan pensyarah politeknik haruslah memberi respon yang positif terhadap pemikiran serta tanggapan yang akan melibatkan penghasilan laporan yang lebih berkualiti dan relevan kepada pelajar dan pemegang taruh terutamanya industri.



OBJEKTIF

Garis Panduan Penerbitan Kreatif Laporan Akhir Latihan Industri Edisi 2013 dihasilkan sebagai pilihan kepada pelajar untuk menghasilkan laporan. Garis panduan ini diharap dapat menghasilkan pelajar politeknik yang :

- 1 Mengamalkan **budaya berfikir** secara kritis, kreatif dan inovatif
- 2 Menggalakkan **pembelajaran menggunakan teknologi** terkini didalam mencapai hasil pembelajaran
- 3 **Kompetetif dan menyerlah** berbanding dengan pelajar IPT yang lain

APA ITU PENERBITAN KREATIF

Penerbitan kreatif merupakan satu bentuk penghasilan laporan yang lebih bersifat kreatif dan inovatif dalam mempersempahkan kandungan laporan kepada bentuk yang lebih interaktif.

Dalam penerbitan kreatif bagi laporan merujuk kepada dua bentuk pelaporan iaitu berbentuk:

MULTIMEDIA dan **LAPORAN KREATIF**.

Multimedia merupakan pembangunan bahan interaktif berasaskan teknologi komputer yang menggabungkan penggunaan pelbagai unsur media digital seperti teks, audio, video, grafik, animasi dan video untuk menyampaikan maklumat.

Laporan kreatif pula merupakan laporan samaada bercetak atau elektronik yang diterbitkan dengan menggabungkan penggunaan elemen teks, grafik dan kreativiti dalam menghasilkannya.



ELEMEN PENERBITAN KREATIF

Teks

Merupakan satu tulisan yang mempunyai pelbagai jenis, bentuk, warna dan saiz yang berupaya memberi daya tarikan dalam penyampaian maklumat.




Audio

Satu bentuk penyampaian maklumat/mood dalam bentuk suara/bunyi. Contoh format yang menyokong suara adalah .wav, .voc, .snd, .aud dan sebagainya.

Video

Imej dalam bentuk pergerakkan sesuatu aktiviti atau ilustrasi yang boleh digambarkan. Contoh format yang menyokong video adalah .mpeg, .flv, .avi dan sebagainya.



Grafik/Imej

Grafik/Imej adalah ruang persembahan bagi sesuatu objek/gambar, yang boleh ditayangkan dalam bentuk dua atau tiga dimensi atau juga dalam bentuk-bentuk imej yang lain. Ia boleh diwujudkan sama ada dalam bentuk maya atau nyata. Contoh format yang menyokong grafik/imej adalah .jpeg, .bmp, .gif, .tif dan sebagainya.

Animasi

Animasi adalah ruang persembahan bagi sesuatu objek/gambar, yang boleh ditayangkan dalam bentuk pergerakkan.



JENIS-JENIS PENERBITAN KREATIF

(1) CD interaktif

Program interaktif untuk menyampaikan informasi yang lengkap tentang sesuatu perkara. CD interaktif melibatkan komunikasi dua hala antara pengguna dan program tersebut.



(2) Web

Sebuah penyebaran informasi melalui internet di mana laporannya dapat diakses di seluruh dunia.



(3) Blog

Catatan online yang berada dalam internet. Blog adalah salah satu web yang berisi tulisan, artikel atau informasi bermanfaat yang diperbaharui secara teratur dan dapat diakses secara online baik untuk umum atau peribadi.




(4) Graphic design software

Perisian yang digunakan untuk menyediakan laporan dalam bentuk kreatif.




(5) Storyboard

Gambaran kreatif yang mengikut susunan dalam bentuk grafik untuk menyampaikan laporan dalam bentuk cerita.



(6) Majalah/buletin

Media terbitan bercetak/elektronik yang berisi laporan, gambar dan aktiviti yang menumpukan kepada maklumat-maklumat tertentu dan spesifik sahaja.



FORMAT PENERBITAN KREATIF

BAHASA

Penggunaan bahasa adalah tertakhluk kepada Jabatan samada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sepenuhnya.

KEPELBAGAIAN ELEMEN

- **Multimedia**
perlu mengandungi sekurang-kurangnya 3 elemen.
- **Laporan kreatif**
perlu mengandungi sekurang-kurangnya 2 elemen.

ISI KANDUNGAN

- **Latar belakang Organisasi**
meliputi pengenalan terhadap organisasi, carta organisasi, sejarah penubuhan serta aktiviti organisasi, misi, visi dan hlatuju organisasi.
- **Ringkasan Aktiviti Latihan Industri**
Berdasarkan latihan atau tugas yang dilaksanakan sama ada mengikut minggu, bulan atau bidang tugas.
- **Laporan teknikal**
Menjurus kepada tugas-tugas atau kerja yang telah dipertanggungjawabkan atau dilaksanakan semasa latihan. Pelajar hendaklah menerangkan secara teperinci topik-topik tersebut .
- **Kesimpulan**
Rumusan kepada keseluruhan laporan
- **Komen & cadangan**
Komen yang dibuat hendaklah berkaitan dengan latihan di mana pelajar digalakkan membuat cadangan positif dan membina bagi tujuan proses penambahbaikan di masa akan datang.
- **Bibliografi/cadangan**
Bahan rujukan yang digunakan untuk menguatkan lagi hujah yang ditulis. Format yang digunakan mengikut piawaian American Psychological Association (APA) atau Modern Language Association (MLA). Web: <http://www.apastyle.org> atau <http://www.mla.org>

PENILAIAN



Penilaian adalah akan menggunakan borang penilaian sediaada iaitu penilaian Laporan Akhir Latihan Industri. Salinan borang penilaian ini boleh diperolehi dari Garis Panduan Latihan Industri (Pelajar) edisi semasa.

KEASLIAN

PERISIAN ASLI

Pelajar perlu memastikan perisian yang digunakan adalah asli dan sah. Adalah menjadi kesalalah jika perisian cetak rompak digunakan dan melanggar **Akta Hak Cipta** di bawah **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**



MENGHORMATI HARTA INTELEK & HAK CIPTA



Politeknik tidak membenarkan sebarang unsur plagiat dalam proses P&P. Pengiktaranan perlu diberi apabila menggunakan karya ciptaan orang lain yang pernah tersiar atau diterbitkan (*Perkara 5.16: Dasar dan Prinsip Perancangan dan Penyampaian Kurikulum Program Pengajian, Jabatan Pengajian Politeknik*)

TIPS

1

Pastikan durasi video yang dipaparkan adalah kurang dari 5 minit untuk mengelakkan penonton bosan

2

Penggunaan warna yang menonjol pada teks akan menarik perhatian penonton

3

Demo dahulu pada kawan-kawan untuk maklumbalas mereka sebelum dihantar kepada pensyarah

4

Run test aplikasi yang dibangunkan pada komputer yang berlainan untuk mengelakkan masalah teknikal

5

Penggunaan jenis tulisan berbunga akan menyukarkan penonton untuk membaca

6

Penggunaan grafik yang bermutu dan sesuai dengan tema

7

Gunakan bilik rakaman suara di politeknik bagi merakam audio yang lebih bermutu

8

High Definition? Cubalah menggunakan alat rakaman bermutu HD untuk menghasilkan kualiti video dan suara yang lebih baik

9

Pelajar digalakkan menghasilkan panduan pengguna (*user manual*) jika membangunkan CD interaktif.

SOALAN LAZIM (FAQ)

Q: Berapakah tempoh masa untuk pembentangan?

A: Tempoh masa pembentangan akan ditentukan oleh politeknik. Pelajar disarankan untuk berhubung dengan UPLI bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Q: Berapakah bilangan slide yang perlu saya sediakan?

A: Jumlah slide adalah tidak terikat dan bergantung sepenuhnya kepada kreativiti pelajar untuk menyampaikan info/maklumat yang berkaitan.

Q: Apakah contoh laman web yang boleh dirujuk bagi mendapatkan idea?

A: Selain iklan di TV, pelajar juga boleh melayari web-web dari industri multimedia kreatif, sebagai contoh: www.astro.com.my, www.tv3.com.my, www.limkokwing.net, dan sebagainya. Carian pantas di Google juga boleh membantu pelajar.

Q: Apakah contoh perisian yang boleh digunakan?

A: Terdapat banyak perisian di pasaran yang boleh digunakan oleh pelajar. Bagi tujuan editing gambar/teks boleh digunakan Adobe Photoshop™, animasi Macromedia Flash™, video Macromedia Dreamweaver™ atau Windows Movie Maker™. Terdapat juga perisian di laman web yang ditawarkan secara percuma/*trial version*/versi pelajar.

Q: Bagaimanapula dengan kos sewaan server?

A: Semua kos yang terlibat adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelajar. Namun pelajar disarankan untuk menggunakan platform yang menawarkan perkhidmatan secara percuma seperti blogspot™, wordpress™ dan sebagainya.

Q: Adakah saya boleh menggunakan kemudahan (*hardware* dan *software*) di politeknik?

A: YA. Sila berhubung dengan Unit Instruksional dan Multimedia politeknik bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Q: Adakah dibenarkan untuk saya menggunakan bahan yang dibangunkan ini untuk penilaian pembentangan?

A: YA. Pelajar dibenarkan untuk menggunakan bahan yang dibangunkan ini untuk penilaian markah pembentangan.

Q: Perlukah saya menyediakan Laporan Akhir Latihan Industri yang bercetak kulit keras seperti sebelumnya?

A: Tidak! Inilah inovasi yang cuba diperkenalkan oleh politeknik.

JAWATANKUASA

Nama-nama disusun mengikut susunan abjad

PENASIHAT	YBhg. Datuk Haji Mohlis bin Jaafar
PENGERUSI	Haji Zulkifli bin Md. Salleh
SETIAUSAHA	Noor Aidi binti Nadzri
AHLI	Khairul Azha bin Ahmad Nabilah binti Mazalan Nazirah binti Mohamad Abdullah Noor Rosmawati binti Yusuf
PANEL PENILAI	Ahmad Zailani bin Ahmad Alinawate binti Ali Azwan bin Abdullah Mohd As'ri bin Chik Mohd. Sallehuddin bin Yazid Rohaida binti Sabarem Suhana binti Baharuddin Suzianah binti Sahar Yusrita binti Yusoep



!d krEA& t!f

DITERBITKAN OLEH:

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK

Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 3 Galeria PjH
Periaraan Perdana Presint 4
62100 WP Putrajaya

Tel : 03 – 8891 9000
Fax : 03 – 8891 9316

www.politeknik.gov.my
akademik.jpp@mohe.gov.my

POLITEKNIK
Jabatan Pengajian Politeknik